

BAB 7

Kegiatan Ekonomi di Malaysia

Induksi Bab

Malaysia telah mengalami beberapa fasa perubahan struktur ekonomi sejak merdeka. Kegiatan ekonomi memberi kesan terhadap pertumbuhan dan penguncupan ekonomi negara serta kehidupan rakyat. Tahukah anda jenis kegiatan ekonomi yang terdapat di Malaysia? Bagaimanakah bentuk taburan kegiatan ekonomi utama? Apakah faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi? Bolehkah anda jelaskan kepentingannya terhadap pembangunan negara?

Apakah yang akan anda pelajari?

- ✓ Menjelaskan jenis kegiatan ekonomi primer, sekunder dan tertier di Malaysia
- ✓ Menjelaskan dengan contoh taburan kegiatan ekonomi utama di Malaysia
- ✓ Menghuraikan faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia
- ✓ Membahaskan kepentingan kegiatan ekonomi di Malaysia



Kuala Lumpur adalah antara 10 bandar terbaik di dunia dari aspek pertumbuhan pelancongan oleh *World Travel and Tourism Council* (WTTC) pada tahun 2016.

(Sumber: Laporan Tahunan Program Transformasi Negara, 2017)

Sepintas lalu

1 Jenis kegiatan ekonomi di Malaysia

Sektor primer

Sektor sekunder

Sektor tertier

2 Taburan kegiatan ekonomi di Malaysia



(Sumber: Diubah suai daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, 2016)

3 Faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia

Fizikal

Bentuk muka bumi

Tanah

Iklim

Saliran

Bahan mentah

Manusia

Dasar kerajaan

Infrastruktur

Teknologi

Pasaran

Modal

Buruh

4 Kepentingan kegiatan ekonomi di Malaysia

Mewujudkan peluang pekerjaan

Peningkatan taraf hidup

Kemajuan ekonomi
negara

Peningkatan infrastruktur

Proses pembandaran

Pengurangan import

7.1 Jenis Kegiatan Ekonomi di Malaysia

Kegiatan ekonomi merupakan kegiatan manusia yang menghasilkan pendapatan. Kegiatan ekonomi di Malaysia terbahagi kepada tiga sektor, iaitu primer, sekunder dan tertier.

Jenis Kegiatan Ekonomi di Malaysia

Sektor primer

- Merupakan kegiatan yang mengeluarkan bahan mentah terus daripada sumber semula jadi
- Terdiri daripada:

Pertanian

Pembalakan

Perikanan

Perlombongan

Penternakan



Perikanan



Pertanian



Pertumbuhan prestasi ekonomi di Malaysia pada tahun 2017 didominasi oleh peningkatan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan di samping pemulihan dalam sektor pertanian.

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Mei 2018)



Pembuatan sarung tangan

Sektor sekunder

- Merupakan aktiviti ekonomi yang berasaskan bahan mentah
- Memberi keutamaan dalam menukarkan bahan mentah kepada barangan siap kepada pengguna
- Terdiri daripada:

Pembuatan atau perindustrian

Pembinaan



Pendidikan

Sektor tertier

- Merupakan kegiatan ekonomi yang menawarkan pelbagai perkhidmatan
- Disebut juga sebagai sektor perkhidmatan
- Sumbangannya memainkan peranan penting kepada pembangunan negara
- Terdiri daripada:

Pelancongan

Perdagangan

Pengangkutan

Kewangan

Pendidikan



Pembinaan

Latih Diri A

1. Nyatakan **tiga** jenis sektor ekonomi utama di Malaysia.
2. Senaraikan **tiga** kegiatan ekonomi sektor tertier di Malaysia.

7.2 Taburan Kegiatan Ekonomi Utama di Malaysia

Sektor Primer: Sektor Pertanian

- Antara contoh tanaman utama di Malaysia ialah kelapa sawit dan getah
- Kelapa sawit merupakan tanaman jualan terpenting di Malaysia manakala getah merupakan tanaman jualan kedua terpenting

Kawasan tanaman getah

- Ipoh (Perak)
- Jasin dan Merlimau (Melaka)
- Kluang, Labis, Segamat dan Simpang Renggam (Johor)
- Kuala Lipis dan Segi Tiga Jengka (Pahang)
- Sibu, Marudi dan Sri Aman (Sarawak)
- Lahad Datu, Tenom, Keningau dan Kudat (Sabah)

"Kadar pertumbuhan pengeluaran getah di Malaysia meningkat kepada 880.6 ribu tan pada tahun 2017".

(Sumber: Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia, Mei 2018)



Peta 7.1 Taburan tanaman pertanian di Malaysia




Kawasan ladang getah



Pokok getah

Kawasan tanaman kelapa sawit

- Teluk Intan (Perak)
- Kota Tinggi, Kulai dan Segamat (Johor)
- Muadzam Shah dan Segi Tiga Jengka (Pahang)
- Terengganu Tengah (Terengganu)
- Lahad Datu, Tawau dan Sandakan (Sabah)
- Bintulu dan Miri (Sarawak)



(Sumber: Diubah suai daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, 2016)



Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) merupakan badan yang bertanggungjawab merancang, menyelidik dan membangunkan industri minyak sawit dan kelapa sawit di Malaysia.



Pokok kelapa sawit



Buah kelapa sawit


"Industri sawit merupakan tulang kepada ekonomi Malaysia dan memainkan peranan penting membekal sumber makanan dan tenaga kepada populasi global yang semakin meningkat. Sehingga akhir September 2017, kawasan tanaman sawit negara meningkat kepada 5.79 juta hektar daripada 5.74 juta hektar pada tahun 2016. Peningkatan tertinggi dicatatkan di Sarawak".

(Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia, 2017)

Sektor Sekunder: Sektor Perindustrian

PETUNJUK

- | | |
|----------------------|--------------------|
| 1 Langkawi | 19 Batu Berendam |
| 2 Kangar | 20 Larkin |
| 3 Alor Setar | 21 Pasir Gudang |
| 4 Gurun | 22 Mu'adzam Shah |
| 5 Kulim | 23 Maran |
| 6 Prai | 24 Peramu |
| 7 Bayan Lepas | 25 Gebeng |
| 8 Batu Kawan | 26 Kerteh |
| 9 Kamunting | 27 Gong Badak |
| 10 Tasek | 28 Pengkalan Chepa |
| 11 Tanjung Malim | 29 Pending |
| 12 Bukit Beruntung | 30 Kidurong |
| 13 Shah Alam | 31 Limbang |
| 14 Selat Klang Utara | 32 Sepanggar |
| 15 Bangi | 33 Inanam |
| 16 Nilai | 34 Sandakan |
| 17 Senawang | 35 Tawau |
| 18 Alor Gajah | |



Peta 7.2 Taburan kawasan perindustrian di Malaysia

Perindustrian di Malaysia


Perindustrian melibatkan kegiatan memproses bahan mentah menjadi barangan siap

Kegiatan perindustrian di Malaysia terbahagi kepada dua, iaitu:

Industri berasaskan sumber

Industri bukan berasaskan sumber

Pada tahun 2016, sektor pembuatan telah meningkat sebanyak 4.4% dan menyumbang RM255 bilion (23%) kepada pertumbuhan KDNK Malaysia



(Sumber: Diubah suai daripada World Industrial Information, 2016)

Contoh industri bukan berasaskan sumber

Industri elektrik dan elektronik	• Barangan elektrik seperti penyaman udara dan televisyen • Barangan elektronik seperti komputer dan kamera
Industri automotif	• Kereta, motosikal dan pemasangan van, lori serta trak

Contoh industri berasaskan sumber

Industri berasaskan kayu	• Perabot, papan lapis dan kayu gergaji
Industri berasaskan getah	• Tayar, kasut dan sarung tangan
Industri berasaskan kelapa sawit	• Minyak masak, sabun dan barangan kosmetik



Industri elektronik



Industri automotif



Industri berasaskan kayu




Industri berasaskan getah

Sektor Tertier: Sektor Pelancongan

- Merupakan sektor perkhidmatan yang utama di Malaysia sejak awal tahun 1980-an
- Perkembangan sektor pelancongan secara tidak langsung meningkatkan keperluan perkhidmatan yang lain seperti pengangkutan, perhotelan dan perhubungan

P1



Pulau Langkawi

P9



Pulau Tioman

Portal GEOGRAFI



Layari laman sesawang yang berikut untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan beberapa kawasan pelancongan di Malaysia:
<https://bukutekskssm.my/Geografi/Tingkatan3/Nota10.html>



PETUNJUK:

- P1 Pulau Langkawi
- P2 Batu Ferringhi
- P3 Pulau Pangkor
- P4 Cameron Highlands
- P5 Genting Highlands
- P6 Port Dickson
- P7 Pantai Klebang

Peta 7.3 Taburan kawasan pelancongan di Malaysia

P13



Pulau Perhentian



P8 Desaru
 P9 Pulau Tioman
 P10 Cherating
 P11 Taman Negara Pahang
 P12 Rantau Abang
 P13 Pulau Perhentian
 P14 Pantai Irama

P15 Pantai Damai (Santubong)
 P16 Taman Negara Niah
 P17 Taman Negara Gunung Mulu
 P18 Gunung Kinabalu
 P19 Pulau Sipadan

(Sumber: Diubah suai daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, 2016)

P17



Taman Negara Niah

P18



Gunung Kinabalu

P19



Pulau Sipadan

Latih Diri **B**

1. Mengapakah tanaman kelapa sawit dan getah sangat subur di Malaysia?
2. Berikan **dua** jenis kegiatan perindustrian di Malaysia.
3. Namakan **dua** pulau peranginan di pantai timur Semenanjung Malaysia.

7.3 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kegiatan Ekonomi di Malaysia

Faktor Fizikal

Bentuk muka bumi

- Bentuk muka bumi seperti tanah tinggi, tanah beralun, tanah pamah dan pinggir laut yang terdapat di Malaysia dapat mempengaruhi jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan

Jadual 7.1 Jenis bentuk muka bumi dan kegiatan ekonomi

Jenis bentuk muka bumi	Kegiatan ekonomi
Tanah pamah	- Pertanian: Penanaman padi, getah dan kelapa sawit - Pengangkutan: Pembinaan jalan raya, jalan kereta api dan lapangan terbang - Perindustrian: Pembinaan kilang
Tanah tinggi	- Pertanian: Tanaman teh, sayur-sayuran dan bunga-bunga - Pelancongan
Pinggir laut	- Perikanan - Pelancongan - Pelabuhan



Cameron Highlands (Pahang)

Tanah

- Malaysia mempunyai pelbagai jenis tanah yang sesuai untuk pelbagai jenis tanaman

Jadual 7.2 Pengaruh tanah terhadap kegiatan pertanian

Jenis tanah	Kegiatan ekonomi	Contoh kawasan
Aluvium	Padi sawah	- Dataran Kedah (Kedah) - Tanjung Karang (Selangor)
Laterit	• Getah	- Segi Tiga Jengka (Pahang) - Labis (Johor)
	• Kelapa sawit	- Sri Aman (Sarawak) - Tawau (Sabah)
Gambut	Nanas	- Rengit (Johor) - Pontian (Johor) - Labis (Johor)
Pasir	• Gajus	Pantai Kelantan dan Terengganu
	• Kelapa	Bagan Datoh (Perak)
Beris	Kenaf	- Pasir Puteh (Kelantan) - Setiu, Marang dan Besut (Terengganu)




Tanah aluvium



Tanah pasir

Iklm

- Malaysia mengalami iklim Khatulistiwa
- Purata suhu Malaysia ialah 27°C dengan jumlah hujan tahunan melebihi 2 600 mm
- Iklim yang panas dan lembap sepanjang tahun mempengaruhi jenis kegiatan ekonomi seperti pertanian, pelancongan, perikanan dan pembalakan
- Pelbagai jenis tanaman seperti padi, getah, kelapa sawit, koko, nanas, kopi dan lada hitam dapat hidup dengan subur
- Cuaca yang sejuk dengan suhu yang sederhana, iaitu kira-kira 18°C di kawasan tanah tinggi seperti Kundasang (Sabah) dan Cameron Highlands (Pahang) amat sesuai bagi penanaman teh, sayur-sayuran dan bunga-bunga



Kundasang (Sabah)



Tali air di sawah padi



Melaka River Cruise (Melaka)

Saliran

- Malaysia memiliki saluran yang baik
- Dengan adanya pengairan baik maka kegiatan pertanian juga dapat dijalankan dengan baik
Contoh: Penanaman padi memerlukan pengairan baik untuk proses penanaman seperti penanaman padi di Dataran Kedah-Perlis
- Kegiatan pelancongan, iaitu pelancongan air seperti *Melaka River Cruise* juga dapat dijalankan apabila adanya sistem saluran yang baik

Bahan mentah

- Malaysia mempunyai pelbagai bahan mentah yang diperoleh daripada sumber mineral, hutan dan pertanian
- Bahan mentah primer boleh diproses untuk menghasilkan barangan sekunder

Jadual 7.3 Bahan mentah yang digunakan dalam sektor perindustrian

Bahan mentah	Kegiatan ekonomi
Kayu balak	Industri perabot, papan dan kayu gergaji
Kelapa sawit	Minyak masak, sabun dan lilin
Getah	Sarung tangan dan tayar
Petroleum dan gas asli	Minyak pelincir, plastik dan cat
Kaolin	Tembikar dan jubin
Batu kapur	Simen



Kayu balak

Dasar Kerajaan

- Kerajaan Malaysia telah mengadakan dasar-dasar untuk mendorong peningkatan ekonomi negara, iaitu:
 - Dasar Pertanian Negara yang berperanan memaksimumkan sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)
 - Pelan induk perindustrian yang berperanan merangka secara terperinci kegiatan sektor perindustrian dan sektor industri kecil untuk menghasilkan penggunaan sumber secara optimum
 - Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berperanan memenuhi keperluan tenaga kerja mahir
- Selain itu, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) juga diwujudkan bagi menjalankan penanaman semula getah untuk pekebun kecil manakala Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) memainkan peranan untuk membuka kawasan pertanian baharu



Infrastruktur

- Kewujudan jaringan pengangkutan yang baik seperti jalan raya, jalan kereta api, jalan air dan jalan udara memudahkan proses pengangkutan bahan mentah dari sumbernya ke kilang dan barangan siap ke pasaran
- Pengangkutan yang cekap dalam sektor pertanian amat perlu bagi mengangkut barangan pertanian yang cepat rosak seperti sayur-sayuran dan buah-buahan untuk terus ke pasaran
- Sistem pengangkutan dalam negara yang efisien juga diperlukan dalam sektor pelancongan, terutamanya untuk keselesaan pelancong luar negara datang melancong ke Malaysia
- Kemajuan telekomunikasi negara juga telah membantu kepesatan pembangunan ekonomi melalui penggunaan Internet, telekonferens dan kemajuan ICT yang dapat mempercepatkan perhubungan antarabangsa



Landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

Teknologi

- Kegiatan ekonomi di Malaysia bertambah maju dengan adanya penggunaan teknologi yang canggih dan moden
- Penggunaan teknologi yang canggih dan moden dapat:
 - mempercepatkan kerja
 - meningkatkan kualiti produk
 - mengurangkan pencemaran
 - menjimatkan kos
 - meningkatkan jumlah keluaran
 - meningkatkan keselamatan



Penggunaan robotik dalam industri automotif

Jadual 7.4 Pengaruh teknologi terhadap kegiatan ekonomi

Teknologi	Kegiatan ekonomi	Contoh
Jentera/ mekanikal	• Pertanian	• Jentera membajak dan menuai padi
	• Perindustrian	• Pelbagai mesin di kilang membuat pakaian, makanan dan perabot
	• Perlombongan	• Jentera penggerudian petroleum
	• Pembalakan	• Kren dan jentolak
Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau <i>Information and Communication Technology (ICT)</i>	• Kewangan	• Mesin juruwang elektronik (ATM)
	• Pendidikan	• Komputer dan Internet
Pembiakan baka	• Pertanian	• Pembiakan tumbuh-tumbuhan melalui tisu
	• Perhutanan	• Teknologi <i>in vitro</i> serta rawatan silvikultur
	• Penternakan	• Peranian beradas dan suntikan hormon
	• Perikanan	
Polimer	• Perindustrian	• Industri berasaskan plastik dan getah
Penapaian	• Perindustrian	• Industri farmaseutikal dan makanan
Seramik	• Perindustrian	• Bahan binaan, alatan tandas dan kraf tangan
Robotik	• Perindustrian	• Pemasangan kereta
Gema bunyi	• Perikanan	• Pengesanan ikan dalam laut
Sistem Kedudukan Sejagat atau <i>Global Positioning System (GPS)</i>	• Pengangkutan	• Sistem pengangkutan pintar
Seismik	• Perlombongan	• Mengesan kawasan petroleum
Nanoteknologi	• Perindustrian	• Pengeluaran litar elektronik
Kimia	• Perindustrian	• Pembuatan cat dan baja
Sistem Maklumat Geografi atau <i>Geography Information System (GIS)</i>	• Perkhidmatan	• Pemetaan kawasan • Menganggarkan guna tanah • Mengesan kawasan bencana

Aktiviti 7.1**PAK-21: Peta Minda**

Tajuk: Faktor fizikal yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia

Objektif: Menghasilkan peta minda yang sesuai tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia

Alatan: Tablet atau komputer riba

Langkah-langkah:

1. Murid membuat aktiviti dalam kumpulan.
2. Setiap kumpulan perlu menyenaraikan faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia.
3. Murid perlu menyediakan peta minda yang kreatif dan dibentangkan di hadapan kelas.

Modal

- Kemajuan ekonomi sesebuah negara bergantung kepada jumlah modal sedia ada
- Terdapat dua jenis modal di Malaysia, iaitu modal domestik dan pelaburan langsung asing
- Bagi menggerakkan kegiatan ekonomi negara, agensi yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan modal domestik adalah seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Pelaburan langsung asing pula diperoleh melalui kemasukan pelabur asing ke Malaysia dan melaburkan modal untuk membuka kilang, perniagaan dan ladang



Majlis Amanah Rakyat
(MARA)

Pasaran

- Pasaran boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:
 - Pasaran tempatan
 - Pasaran antarabangsa
- Kuasa beli pengguna yang tinggi membolehkan produk dapat dipasarkan dengan lebih banyak
- Lokasi pasaran tempatan meliputi kompleks beli-belah, pasar borong, kedai runcit dan gerai



Kompleks beli-belah

Buruh

- Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2017), tenaga buruh merujuk mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun sama ada bekerja atau menganggur
- Sehingga Mei tahun 2017, terdapat kira-kira 14.96 juta guna tenaga buruh tempatan di Malaysia
- Malaysia juga menerima tenaga buruh asing dari negara luar seperti Indonesia, Bangladesh, Filipina, Myanmar, Vietnam dan China bagi menampung kekurangan buruh dalam pelbagai sektor



Buruh mahir

Latih Diri

C

Nyatakan **tiga** faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia.



Terdapat tiga jenis buruh, iaitu buruh mahir, buruh separa mahir dan buruh tidak mahir

7.4 Kepentingan Kegiatan Ekonomi di Malaysia

Kegiatan ekonomi di Malaysia memainkan peranan yang penting terhadap pembangunan negara. Antara kepentingan kegiatan ekonomi adalah seperti yang berikut:

Peningkatan taraf hidup

- Penduduk dapat meningkatkan taraf hidup mereka apabila melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi
- Petunjuk taraf hidup boleh dilihat melalui peningkatan jumlah pendapatan per kapita keluarga, perumahan yang selesa, tahap pendidikan dan lain-lain kemudahan
- Peningkatan pendapatan penduduk membolehkan **kuasa beli**, taraf kesihatan dan tahap pendidikan penduduk turut meningkat

Kemajuan ekonomi negara

- Kegiatan ekonomi dapat menyumbangkan pendapatan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan mentadbir negara
- Pendapatan negara diperoleh daripada cukai, hasil eksport, kedatangan pelancong asing dan keuntungan aktiviti perniagaan
- Menurut Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, sektor perkhidmatan khususnya pendidikan dan pelancongan telah menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi di Malaysia

Pemindahan teknologi

- Pemindahan teknologi melibatkan pemindahan kemahiran, kepakaran dan teknik dari satu negara ke negara lain melalui proses pembelajaran, pengalaman dan latihan
- Di Malaysia, terdapat dua cara pemindahan teknologi dilaksanakan, iaitu:
 - Latihan pekerja
 - Latihan sambil kerja
- Pemindahan teknologi juga dilakukan melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D)

Mewujudkan peluang pekerjaan

- Kepelbagaian kegiatan ekonomi dapat menyediakan peluang pekerjaan menyebabkan kadar pengangguran di Malaysia berkurangan
- Prestasi eksport dan pengeluaran perindustrian yang semakin kukuh juga telah mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor primer, sekunder dan tertier

Portal GEOGRAFI



Layari laman sesawang yang berikut untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan ekonomi negara:
<https://bukutekskssm.my/Geografi/Tingkatan3/Nota11.html>

Glosari

Kuasa beli: Kemampuan seseorang untuk membeli barangan dan perkhidmatan

Peningkatan infrastruktur

- Kemajuan ekonomi yang pesat di negara kita menggalakkan pembangunan infrastruktur moden
- Berikut adalah infrastruktur yang disediakan, iaitu:

Jenis infrastruktur	Penerangan
Jalan raya dan lebuh raya	Meningkatkan darjah ketersampaian penduduk ke sesuatu kawasan, contohnya Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Pantai Timur
Jalan kereta api	Sistem pengangkutan kereta api elektrik seperti Transit Aliran Massa atau <i>Mass Rapid Transit</i> (MRT), Tren Laju Antara Bandar atau <i>Electric Train Services</i> (ETS), Transit Aliran Ringan atau <i>Light Rail Transit</i> (LRT) dan Ekspres KLIA atau <i>Express Rail Link</i> (ERL) dibina untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas
Pengangkutan udara	Pembinaan lapangan terbang antarabangsa seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah meningkatkan industri pelancongan negara dan kegiatan ekonomi yang lain
Pelabuhan	Pelabuhan antarabangsa seperti Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas telah memudahkan urusan import dan eksport

Proses pembandaran (Urbanisasi)

- Kegiatan ekonomi telah menyumbang kepada proses pembandaran
- Perkembangan bandar Petaling Jaya, Shah Alam dan Bayan Lepas berlaku akibat kegiatan perindustrian
- Kegiatan sektor perkhidmatan juga telah menyebabkan wujud pertumbuhan bandar Putrajaya dan Cyberjaya
- Kepelbagaian kegiatan ekonomi turut menambahkan peluang pekerjaan dan menggalakkan penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan
- Kemajuan ekonomi secara tidak langsung menyebabkan perkembangan dan perluasan saiz serta pertambahan fungsi bandar



Putrajaya

Pengurangan import

- Kegiatan ekonomi tempatan mengurangkan pergantungan negara kepada barangan import
- Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan import, iaitu:
 - Menggalakkan sektor Industri Kecil Sederhana (IKS)
 - Menggalakkan pengeluaran sektor pertanian seperti buah-buahan, sayur-sayuran, perikanan dan ternakan




Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan perusahaan perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan dengan pusing ganti tahunan tidak melebihi RM25 juta.

(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia, Julai 2018)

Latih Diri D

Nyatakan **tiga** kepentingan kegiatan ekonomi kepada negara.



Portal GEOGRAFI

Kuiz KENDIRI



Kuiz Kendiri 7



Layari laman sesawang yang berikut untuk mendapatkan maklumat tentang *Human Factors that Affect Agriculture*:
<http://bukutekskssm.my/Geografi/Tingkatan3/Video7.mp4>

1. Peta 1 menunjukkan taburan sektor pertanian, perindustrian dan pelancongan.



Peta 1

Namakan lokasi di dalam Peta 1 berikut mengikut sektor yang tepat.

K1 :

P1 :

E1 :

K2 :

P2 :

E2 :

G1 :

P3 :

PETUNJUK

E: Perindustrian

K: Kelapa sawit

G: Getah

P: Pelancongan

G2:

P4 :

2. Berikan **dua** jenis tanaman ladang utama yang terdapat di Malaysia.
3. Apakah produk yang dihasilkan oleh industri berasaskan getah?
4. Jelaskan **tiga** kepentingan kegiatan ekonomi di Malaysia.

**Kepentingan
kegiatan ekonomi**

(a)

(b)

(c)

5. Teknologi pembungkusan *Green-Blue* dapat menyokong kelestarian alam sekitar dan perniagaan. Berikan pendapat anda.

